

25 MAY 2000

Indonesia-Bahasa Inggeris/I

RAKYAT INDONESIA SEMAKIN MINAT MENGUASAI BAHASA INGGERIS

Oleh: Openg Onn

JAKARTA, 25 Mei (Bernama) -- Di tengah-tengah keghairahan Indonesia dalam mendapatkan Surat Hasrat (LoI) yang tertangguh dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk ditandatangani minggu lepas, perhatian orang ramai bertumpu pada satu lagi isu.

Para pegawai Indonesia mahu teks LoI itu, yang menetapkan secara spesifik komitmen negara mereka dalam melaksanakan pelbagai langkah pembaharuan, ditulis dalam bahasa tempatan.

Pengarah Urusan Pusat Penerangan Bank Indonesia bagi Asia, Nurita Widigdo merungut bahawa rakyat Indonesia menghadapi kesukaran untuk memahami terma yang digariskan dalam LoI itu, faktor penting terhadap usaha republik ini dalam mendapatkan bantuan US\$4 bilion dari IMF untuk membantu ia keluar dari krisis ekonomi yang dialaminya sejak dua tahun lepas.

Bagi kebanyakan orang, apa yang penting bukan sahaja untuk memahami teks LoI itu, tetapi yang lebih utama ialah bagi rakyat Indonesia memiliki semangat patriotisme yang mendalam terhadap bahasa kebangsaan mereka.

Ia juga mencerminkan betapa asingnya Bahasa Inggeris kepada sebahagian besar rakyat Indonesia, walaupun ia merupakan mata pelajaran wajib di semua universiti.

Indonesia masih merupakan satu daripada negara yang paling lemah daripada segi penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan negara-negara Asean.

Tahap rendah penguasaan bahasa itu dapat dilihat bukan sahaja dalam jumlah yang terhad akhbar-akhbar berbahasa Inggeris tetapi juga kandungannya.

Bagi sebuah negara yang mempunyai lebih 200 juta penduduk, hanya dua akhbar berbahasa Inggeris dijual di jalan-jalan rayanya -- "The Jakarta Post" dan "The Indonesian Observer".

Akhbar 12 muka surat "Jakarta Post" mempunyai pengedaran 40,000 naskhah manakala tabloid 16 muka surat "The Indonesian Observer" hanya mempunyai pengedaran sebanyak 10,000.

Kedua-dua akhbar itu banyak bergantung kepada para ekspatriat bagi pasaran mereka.

Mereka yang fasih dalam bahasa Inggeris agar sukar ditemui walaupun di kalangan ahli akademik, politik, penggubal undang-undang dan birokrat dan jika mereka fasihpun, tahap penguasaan mereka hanya cukup untuk membolehkan mereka bergaul di majlis-majlis sosial.

Hanya segelintir sahaja yang boleh berucap dan mengeluarkan pendapat mereka mengenai isu-isu tempatan dan antarabangsa menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan dengan lancar dan penuh yakin.

Tetapi keadaan sedang berubah, dan minat di kalangan rakyat Indonesia untuk menguasai Bahasa Inggeris semakin meningkat, terima kasih kepada bekas Presiden B.J. Habibie yang mahir berbahasa Inggeris dan kini Presiden Abdurrahman Wahid.

Seorang wartawan kanan dengan "The Indonesian Observer" Herman Hakim, bekas guru Bahasa Inggeris, berkata minat untuk belajar bahasa itu telah menular di kebanyakan rakyat Indonesia, terutama golongan elit sejak akhir 1980an.

Pada masa itu, republik ini baru sahaja melancarkan satelit Palapa yang membolehkan televisyen menerima pelbagai program dari seluruh dunia.

Dengan kebanyakan program televisyen itu dalam Bahasa Inggeris, terdapat keperluan mendesak untuk menguasai bahasa itu bagi lebih keseronokan dan memahami isi kandungannya dengan lebih baik.

Herman berkata penguasaan bahasa itu kini didorong kuat oleh prospek pekerjaan yang lebih baik.

"Dengan Indonesia melihat perlunya untuk membuka pintu kepada dunia sebagai pusat pelaburan, mereka yang fasih berbahasa Inggeris boleh

mendapat pekerjaan dengan mudah," katanya.

Gergasi minyak negara seperti Pertamina menganjurkan kelas Bahasa Inggeris dalaman sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kemahiran bahasa itu.

Semakin ramai pelajar universiti mengambil usaha tambahan untuk menguasai bahasa itu dengan mengambil kelas tuisyen atau menyertai program Bahasa Inggeris yang tumbuh bagai cendawan di bandar-bandar.

"Kebanyakan pelajar kami ialah pelajar universiti," kata Elsie Chandra, yang mengendalikan pusat tuisyen Bahasa Inggeris di Kebayoran Baru, selatan bandar raya ini.

Kepentingan Bahasa Inggeris bukan sahaja terbatas kepada sekolah-sekolah dan institusi utama tetapi juga sekolah pendidikan tradisional seperti pesantren -- sekolah asrama penuh Islam yang popular.

Satu daripada pesantren terbesar, Ma'had AlZayton, di Indramanyu, kira-kira 160km timur dari sini, memberikan banyak penekanan kepada pengajaran Bahasa Inggeris.

Pengetua sebuah lagi pesantren berkata penguasaan Bahasa Inggeris yang baik oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberikan inspirasi kepada beliau untuk memastikan pelajarinya menguasai bahasa itu dalam menghadapi kedatangan globalisasi.

"Kami mahu pelajar kami berupaya menjalankan dakwah mereka dan memberikan pandangan yang lebih baik mengenai Islam di kalangan masyarakat dunia dalam Bahasa Inggeris seperti Dr Mahathir," kata Panji Gumilang.

Terdapat ketaksuban yang jelas di kalangan ramai penulis, penganalisis, pengkritik, ahli politik dan ahli akademik Indonesia yang semakin banyak menggunakan Bahasa Inggeris dalam tugas mereka.

Sementara sesetengah daripada mereka terpaksa berbuat demikian kerana mereka tidak mendapat pengiktirafan di Indonesia, kebanyakan daripada mereka melakukannya dengan hasrat untuk memberikan tanggapan yang lebih baik terhadap tahap intelektual mereka.

Ia juga mencerminkan bagaimana rakyat Indoensia telah mula menyedari pentingnya Bahasa Inggeris dan kerugian tidak berupaya membaca, menulis dan bertutur bahasa itu.

-- BERNAMA

OPP RHM RON